

## **Naik taraf Terminal Feri Kuala Kedah**

---

ALOR SETAR - Kementerian Pengangkutan akan mempercepatkan projek pembangunan dan naik taraf Terminal Feri Kuala Kedah di sini bagi menangani isu kesesakan penumpang dan kargo terutama pada musim perayaan dan cuti sekolah.

Menterinya, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan dana sebanyak RM208 juta untuk menyiapkan projek itu dalam tempoh tiga tahun.

"Perbincangan mengenai projek ini berjalan dengan baik dan kita mempunyai dua kaedah pelaksanaan iaitu menggunakan peruntukan kerajaan atau mendapatkan sokongan daripada pihak swasta," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau Terminal Feri dan Kargo Kuala Kedah di sini semalam. Kata beliau, projek yang akan bermula pada tahun ini melibatkan pembesaran keluasan terminal tersebut daripada 4,900 meter persegi kepada kira-kira 10,000 meter persegi.

"Kita akan besarkan terminal feri dan kargo yang sempit ini termasuk menyediakan perkhidmatan feri Roll On Roll Off," ujarnya.

Tiong Lai berkata, pembesaran itu membolehkan empat feri berlabuh dalam satu masa berbanding tiga feri pada masa ini. "Jumlah penumpang dalam terminal ini juga dapat ditingkatkan daripada 800 orang kepada 1,600 orang," jelasnya.

---

**SUMBER : KOSMO| M/S: 4 | 14 MAC 2017**